

01/05/2000

Melayu perlu sikap baru hadapi cabaran

KEMAJUAN orang Melayu dalam apa juga tujuan hidup tidak boleh dibiarkan terus membantut. Orang Melayu perlukan perubahan dari segi cara berfikir, sikap, budaya, tingkah laku dan segala-galanya yang mampu meletakkan mereka berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan kaum-kaum lain di dunia. Cuma, batasan yang harus dipegang hanyalah memastikan setiap perubahan tidak meminggirkan soal agama, bahasa, adat, tata susila dan budi pekerti yang selama ini melambangkan ciri-ciri Melayu yang masih menebal. Apa saja ciri-ciri yang boleh menyebabkan Melayu ketinggalan dari kaum-kaum lain, mundur, pasif, tidak bermaya dan merendahkan diri tidak bertempat sudah wajar ditinggalkan mulai sekarang. Atas dasar inilah gagasan Melayu Baru yang mempunyai jati diri yang kukuh, perlu dijana semula.

Gagasan Melayu baru yang disebut oleh Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan simposium Jati Diri Melayu Abad 21 di Kuala Lumpur, kelmarin, memperkukuhkan lagi beberapa takrifan berhubung gagasan yang sama, pernah diutarakan sebelum ini. Melayu Baru perlu mempunyai satu matlamat jitu untuk melahirkan satu bangsa yang memiliki nilai baik yang boleh menangkis pengaruh dari luar. Ia adalah persiapan untuk generasi bangsa Melayu yang baru. Masyarakat baru yang akan diketengahkan adalah bangsa yang kasih kepada bangsanya, sejarah bangsanya dan bertekad untuk memperjuangkan kepentingan bangsa dan negaranya untuk kekal selama-lamanya.

Melayu Baru yang diperjuangkan adalah bangsa yang terpelajar, bersemangat, berani menghadapi cabaran dan pegangan kepada Islam tidak terhad kepada rupa bentuk tetapi kepada nilai Islam seperti beramanah, tidak mungkir janji, ikhlas, berfikirkan waras, toleran dan tidak mudah menuduh orang lain sebagai tidak Islam. Melayu Baru tidak mudah tergoda dengan nafsu tetapi boleh mengatasi cabaran dengan pendekatan rasional. Ini memerlukan masyarakat Melayu yang faham mengenai kepentingan bangsanya dan sedar kesan buruk yang akan berlaku terhadap bangsanya jika melakukan perbuatan yang tidak bertatasusila. Bangsa Melayu perlu patuh kepada undang-undang. Hanya masyarakat yang mahu bangsanya dikenali sebagai penjenayah sanggup mencemar keluhuran undang-undang. Dari segi memperkukuhkan jati diri, banyak bangsa lain di dunia sudah pun jauh ke hadapan. Mereka sudah pun mula berlari dan meninggalkan kaum-kaum lain yang baru bertatih. Bangsa-bangsa yang maju dan bersemangat kental adalah bangsa-bangsa yang tidak lagi memikirkan perkara titik bengik dan mempersoalkan isu remeh-temeh, semata-mata untuk memuaskan nafsu dan tuntutan serong mereka.

Bangsa yang maju tidak memperjuangkan isu yang boleh merugikan bangsa dan kaum mereka. Mereka memperjuangkan masa depan bangsa mereka supaya tidak dipijak dan diludah begitu hina oleh kaum lain. Segala kekuatan dikumpul dengan masa depan bangsa mereka. Tenaga dan kuasa mereka dikerah apabila tuntutan masa menjelma. Apakah yang boleh dibanggakan dengan bangsa Melayu hari ini? Setelah ada usaha untuk menganjak nasib mereka sebaris dengan kaum lain, orang Melayu sendiri yang cuba menggagalkannya. Mereka bukanlah bangsa Melayu jati sebaliknya mahu menjerumuskan bangsa mereka ke lembah kehinaan.

Bagi kaum lain, mereka terus mempelopori apa juga perkembangan dunia sedangkan orang Melayu hanya terus menjadi pengikut yang pasif. Ketika kaum lain memikirkan agenda besar untuk menjajah semula negara mereka,

orang Melayu terus bertikai seolah-olah membuka jalan untuk memudahkan bangsa dan negara lain menceroboh mereka. Semua ini memerlukan satu pandangan dan sikap baru bagi menghadapi apa juga cabaran. Semangat orang Melayu perlu dipulihkan. Mereka perlu menjadi satu bangsa yang baru dan besemangat waja.

Disebabkan tidak mempunyai jati diri yang kental, orang Melayu selalu bersikap rendah diri dan dalam apa juga perbincangan, mereka terpelosok di belakang. Hari ini seluruh dunia sudah mula mempersiapkan diri menjadikan rakyat mereka sebagai masyarakat berilmu. Kekuatan sesuatu bangsa tidak lagi diukur dengan senjata canggih tetapi kemampuan ilmu yang dikuasai oleh sesebuah masyarakat. Apakah orang Melayu masih mahu bercakaran dan menjatuhkan sesama sendiri.

Dalam apa bidang sekali pun, orang Melayu seharusnya mampu bersaing sesama sendiri, bukannya memburuk-burukkan orang lain. Walau pun sudah ada usaha untuk meningkatkan martabat orang Melayu, tetapi jalan ke penghujungnya masih jauh. Bangsa Melayu tidak boleh menerima kewujudan segelintir manusia dari kaumnya sendiri cuba merosakkan perjuangan yang belum selesai ini.

(END)